

# Analisis Perbandingan Fatwa Mengenai Kaedah *Stunning* di Kalangan Negara-Negara Asia Tenggara

Muhamad Firdaus bin Shapian<sup>1\*</sup>, Mohd Faizal bin P. Rameli<sup>2</sup>,  
Mohd Hapiz bin Mahaiyadin<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Agama Islam Melaka, 75400 Bukit Palah, Melaka, Malaysia

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,  
77300 Jasin, Melaka, Malaysia

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,  
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia

\*Corresponding Authors

firdausshapian@gmail.com, faizal061@uitm.edu.my

mohdhapiz659@uitm.edu.my

Received: 8 February 2022

Accepted: 27 April 2022

Online First: 27 May 2022

## ABSTRAK

*Isu penggunaan kaedah stunning sebelum haiwan disembelih pernah menjadi suatu topik yang begitu hangat di dada-dada akhbar, di kaca-kaca televisyen, di corong-corong radio mahupun di tengah-tengah arus media-media sosial seperti Facebook, Instagram, WhatsApp dan Youtube. Kaedah stunning dilihat semakin mendapat tempat di kalangan pengusaha atau pengeluar bahan mentah seperti daging ayam, lembu, kerbau dan kambing. Ini disebabkan oleh faktor yang mendesak bagi pengeluaran yang optimum untuk memenuhi keperluan bahan mentah daging sentiasa mencukupi di pasaran terutamanya pada hari-hari perayaan utama seperti Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha, Tahun Baru Cina, Deepavali mahupun Hari Krismas. Apabila berdiskusi mengenai kaedah Stunning, soal hukum hakam dan fatwa mengenai kaedah stunning perlu ditekankan. Terdapat banyak*

*keputusan fatwa mengenai kaedah stunning yang telah diputuskan oleh negara-negara Asia Tenggara. Justeru itu, artikel ini akan mengupas dengan lebih lanjut tentang analisis perbandingan fatwa mengenai kaedah stunning di kalangan negara-negara Asia Tenggara. Artikel ini menggunakan kaedah penelitian terhadap sumber-sumber yang berbentuk dokumen seperti Koleksi Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Malaysia, koleksi fatwa-fatwa dan undang-undang negara-negara Islam di Asia Tenggara mengenai kaedah stunning seperti fatwa dari negara Brunei, negara Indonesia, negara Thailand, negara Filipina, negara Singapura dan lain-lain. Artikel ini juga menggunakan pelbagai bahan-bahan ilmiah dari sumber yang pelbagai seperti jurnal, garis panduan dan buku-buku yang berkaitan dengan tajuk kaedah stunning. Setiap negara di Asia Tenggara mempunyai perbezaan fatwa dan undang-undang mengenai stunning, yang pastinya mempunyai kelebihannya yang tersendiri.*

**Kata Kunci:** Analisis, Asia Tenggara, Fatwa, Kaedah stunning

## **A Comparative Analysis of Fatwas on Stunning Methods Among Southeast Asian Countries**

### **ABSTRACT**

*The issue of using the stunning method before animals are slaughtered has been a hot topic in the press, on television screens, on radio funnels and even in the midst of social media such as Facebook, Instagram, WhatsApp and Youtube. Stunning method is seen to be popular among entrepreneurs or producers of raw materials such as chicken, beef, buffalo and goat. This is due to the pressing factor for optimal production to fulfil the raw material needs of meat to be always sufficient in the market especially on major festive days such as Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha, Chinese New Year, Deepavali or even Christmas Day. When discussing the stunning method, the question of hakam law and fatwas on the Stunning method should be emphasized. There are many fatwa decisions on the stunning method that have been decided by Southeast Asian countries. As such, this article will explain further into the comparative analysis of fatwas on the stunning method among Southeast Asian countries. This article uses the method of researching sources in the form of documents such as the Collection of Muzakarah Results of the Fatwa Committee of the National Council of*

*Malaysia, a collection of fatwas and laws of Islamic countries in Southeast Asia on stunning methods such as fatwas from Brunei, Indonesia, countries Thailand, the Philippines, Singapore and others. This article also uses a variety of scholarly materials from a variety of sources such as journals, guidelines and books related to the topic of stunning methods. Every country in Southeast Asia has different fatwas and laws on stunning, which certainly have their own distinct advantages.*

**Keywords:** *Analysis, Fatwas, Southeast Asia, Stunning Methods*

## **PENGENALAN**

Kaedah *stunning* atau lebih dikenali dengan kaedah pelalian/pemengsanan kini menjadi topik hangat perbualan di kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Namun begitu, perlu untuk diketahui definisi dan jenis-jenis kaedah *Stunning* terlebih dahulu sebelum pergi dengan lebih lanjut dan mendalam. Kaedah *Stunning* merupakan suatu teknik memengsanakan haiwan sembelihan sebelum proses penyembelihan hendak dilakukan dengan tujuan agar proses penyembelihan berjalan dengan lancar tanpa ada sebarang rontaan kuat daripada haiwan sembelihan (Rizvan, 2015). Terdapat pelbagai jenis kaedah *Stunning* yang diamalkan di seluruh dunia. Di antara jenis-jenisnya ialah kaedah *Stunning* yang menggunakan elektrik seperti *Pneumatic Percussive Stunning*, *Captive Bolt Stunning* dan *Waterbath Stunning*. Terdapat juga yang menggunakan kaedah *stunning* yang bersumberkan angin, karbon dioksida, asap, dadah dan bahan kimia bagi melemahkan atau memengsanakan haiwan sembelihan (Khadijah, 2012).

Permintaan yang tinggi bahan mentah daging terutama di hari-hari perayaan utama seperti Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha, Tahun Baru Cina, Deepavali mahupun Hari Krismas menyebabkan pengusaha rumah-rumah sembelihan terpaksa memilih kaedah kaedah *stunning* atau kaedah *stunning* bagi melipatgandakan hasil pengeluaran bahan mentah daging dalam jumlah yang besar serta dalam tempoh masa yang singkat. Namun begitu, di sebalik apa yang berlaku, terdapat segelintir masyarakat Islam yang merasa tidakpuashati dan meragui tentang keabsahan kehalalan kaedah kaedah *stunning* ini. Dengan adanya artikel ini, diharapkan agar dapat menyelesaikan permasalahan yang timbul dan menghilangkan keraguan yang terdapat pada segelintir masyarakat Islam (M. Firdaus, 2019).

## METOD KAJIAN

Secara umumnya, artikel ini bersifat kualitatif. yang akan menganalisis segala perbandingan yang terdapat dalam fatwa-fatwa/ undang-undang yang berkaitan dengan kaedah *stunning* di kalangan negara-negara Asia Tenggara. Oleh itu, rangka penulisannya dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat pengumpulan data maklumat dan peringkat analisis data maklumat.

### Peringkat Pengumpulan Data Maklumat

Artikel ini menggunakan kaedah penelitian terhadap sumber-sumber yang berbentuk dokumen yang berautoriti seperti Koleksi Keputusan Musyawarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Malaysia, koleksi fatwa-fatwa negara Islam di Asia Tenggara mengenai kaedah *stunning* seperti fatwa dari negara Brunei, negara Indonesia, negara Thailand, negara Filipina, negara Singapura dan lain-lain. Artikel ini juga menggunakan pelbagai bahan-bahan ilmiah yang terdiri daripada artikel-artikel, garis panduan dan buku-buku yang berkaitan dengan tajuk artikel (Al-Ikhsan, 2015).

Sebagai contohnya, antara dokumen yang diperolehi ialah Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020, di dalamnya terdapat Garis Panduan Parameter Pelalihan (*stunning*) disediakan untuk rujukan pengusaha-pengusaha rumah sembelihan. Garis panduan ini dapat memudahkan pengusaha-pengusaha rumah kaedah *Stunning* ini mengikuti kadar-kadar arus voltan dan jumlah masa yang telah ditetapkan berdasarkan jenis-jenis haiwan. Garis panduan renjatan elektrik tersebut adalah seperti berikut:

**Jadual 1: Garis Panduan Parameter Pelialian (*stunning*)**

Spesis ternakan	Arus elektrik (A)	Jumlah masa (saat)
Ayam	0.20-0.60	3.00-5.00
Lembu		
Anak Lembu ( <i>calf</i> )	0.50-1.50	3.00
Ibu Lembu	2.00-3.00	2.50-3.50
Lembu Jantan Dikasi ( <i>steers</i> )	1.50-2.50	2.00-3.00
Lembu Jantan ( <i>bull</i> )	2.50-3.50	3.00-5.00
Kerbau	2.50-3.50	3.00-4.00
Kambing	0.70-1.00	2.00-3.00
Bebiri		
<1 tahun	0.50-0.90	2.00-3.00
>1 tahun	0.70-1.20	2.00-3.00

Sumber: Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020

Berdasarkan garis panduan di atas, bagi haiwan jenis ayam, arus elektriknya ialah sebanyak 0.20-0.60 *Ampere* dalam jumlah masa sebanyak 3.00-5.00 saat. Bagi haiwan jenis anak lembu (*calf*), arus elektriknya ialah sebanyak 0.50-1.50 *Ampere* dalam jumlah masa sebanyak 3.00 saat. Bagi haiwan jenis ibu lembu, arus elektriknya ialah sebanyak 2.00-3.00 *Ampere* dalam jumlah masa sebanyak 2.50-3.50 saat. Bagi haiwan lembu jantan dikasi (*steers*), arus elektriknya ialah sebanyak 1.50-2.50 *Ampere* dalam jumlah masa sebanyak 2.00-3.00 saat. Bagi haiwan jenis lembu jantan (*bull*), arus elektriknya ialah sebanyak 2.50-3.50 *Ampere* dalam jumlah masa sebanyak 3.00-5.00 saat. Manakala haiwan jenis kerbau pula, arus elektriknya ialah sebanyak 2.50-3.50 *Ampere* dalam jumlah masa sebanyak 3.00-4.00 saat. Bagi haiwan jenis kambing, arus elektriknya 0.70-1.00 *Ampere* dalam jumlah masa sebanyak 2.00-3.00 saat. Manakala haiwan jenis bebiri di bawah umur 1 tahun, arus elektriknya ialah sebanyak 0.50-0.90 *Ampere* dalam jumlah masa 2.00-3.00 saat. Manakala bagi haiwan jenis bebiri di atas umur 1 tahun, arus elektriknya ialah sebanyak 0.70-1.2 *Ampere* dalam jumlah masa sebanyak 2.00-3.00 saat (JAKIM, 2020).

## Peringkat Analisis Data Maklumat

Manakala Peringkat Analisis Data, artikel ini menggunakan Kaedah Induktif dan Kaedah Deduktif dalam menganalisis setiap data yang diperolehi. Kaedah Induktif atau dikenali dengan kaedah *istiqra'* merupakan suatu kaedah penelitian data-data yang diperolehi bagi menghasilkan suatu kesimpulan yang bercirikan khusus kepada konsep yang umum. Sebagai contohnya segala fatwa/ undang-undang mengenai kaedah *stunning* akan dikeluarkan dan dicirikan titik persamaan yang terkandung di dalamnya. Manakala Kaedah Deduktif pula merupakan suatu kaedah mencari pembuktian berdasarkan ketetapan suatu konsep yang umum kepada suatu permasalahan yang khusus. Sebagai contohnya fatwa/ undang-undang mengenai kaedah *stunning* yang telah diputuskan oleh sesebuah negara, akan dikaji faktor-faktor atau sebab-sebab yang mempengaruhi kepada penghasilan hukum berkenaan.

## SENARAI FATWA ATAU UNDANG-UNDANG MENGENAI KAEDAH *STUNNING* DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA

Setiap negara di Asia Tenggara seperti Malaysia, Brunei, Indonesia, Thailand, Singapura dan Thailand mempunyai fatwa atau undang-undang tersendiri mengenai kaedah *stunning*. Berikut merupakan senarai fatwa atau undang-undang mengenai kaedah *stunning* yang digunakan oleh negara-negara berkenaan:

### Malaysia

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 29 Sept 2005 telah membincangkan Hukum Mengenai *stunning* Haiwan. Muzakarah telah memutuskan bahawa Kaedah *Stunning* jenis *Penetrative Captive Bolt* dan *Non-Penetrative Captive Bolt (Mushroom Head Gun)* adalah haram dan tidak dibenarkan kerana ia boleh menyebabkan kematian haiwan. Hanya kaedah Kejutan Elektrik (*Electrical Stunning*) sahaja dibenarkan tertakluk kepada syarat-syarat seperti *Stunner* yang digunakan adalah jenis kejutkan di kepala sahaja (*head only stunner*), kekuatan arus elektrik hendaklah dikawal

(tidak boleh melebihi had yang ditetapkan) iaitu antara 0.75 ampere untuk kambing, 2.0 ampere untuk lembu dan tempoh masa aliran elektrik ialah antara 3-6 saat; dan perlu dikawalselia oleh petugas muslim yang bertauliah (JAKIM, 2016).

## **Brunei**

Menurut Seksyen 20 yang terdapat dalam Warta Kerajaan Brunei Darussalam, di bawah Aturan-Aturan Daging Halal 1999 menyatakan jika cara *stunning* digunakan semasa proses penyembelihan, tatacara-tatacara yang mesti dipatuhi ialah proses *Stunning* itu mengakibatkan binatang itu pingsan untuk sementara waktu sahaja, alat *stunner* adalah daripada jenis yang tidak menembusi atau memecahkan kepala binatang tersebut dan ia mestilah tidak mengakibatkan kerosakan otak kekal atau meningkatkan kematian atau. kecacatan badan kepada binatang itu (Warta Brunei, 1999).

## **Indonesia**

Menurut Seksyen 6 (Lain-lain) di bawah Himpunan Fatwa Majelis Ulama Indonesia Nomor 12 Tahun 2009 Tentang Standar Sertifikasi Penyembelihan Halal menyatakan bahawa “hewan yang akan disembelih, disunnahkan untuk dihadapkan ke kiblat, penyembelihan semaksimal mungkin dilaksanakan secara manual, tanpa didahului dengan *Stunning* (pemingsanan) dan semacamnya, *Stunning* (pemingsanan) untuk mempermudah proses penyembelihan hewan hukumnya boleh, dengan syarat *Stunning* hanya menyebabkan hewan pingsan sementara tidak menyebabkan kematian serta tidak menyebabkan cedera permanen; bertujuan untuk mempermudah penyembelihan; pelaksanaannya sebagai bentuk ihsan, bukan untuk menyiksa hewan; peralatan *Stunning* harus mampu menjamin terwujudnya syarat-syarat di atas serta tidak digunakan antara hewan halal dan non-halal (babi) sebagai langkah preventif dan penetapan ketentuan *Stunning*, pemilihan jenis, dan teknis pelaksanaannya harus di bawah pengawasan ahli yang menjamin terwujudnya syarat-syarat di atas. Dan melakukan penggelonggongan hewan, hukumnya haram (MUI, 2015).”

## **Singapura**

Menurut Pentadbiran Undang-Undang Islam Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) di bawah Seksyen 88A - (1) Majlis boleh mengeluarkan sijil halal sehubungan dengan produk, perkhidmatan atau aktiviti apa pun dan mengatur pemegang sijil tersebut untuk memastikan bahawa kehendak undang-undang Islam dipatuhi dalam pengeluaran, pemprosesan, pemasaran atau paparan produk, penyediaan perkhidmatan itu atau menjalankan aktiviti tersebut. Seksyen ini dibaca bersama dengan Syarat Persijilan Halal MUIS (*MUIS Halal Certification Conditions*), di bawah Sub Seksyen 6(b) Menetapkan Sistem Pemantauan Untuk Setiap Titik Jaminan Halal (*Halal Assurance Points*) seperti pemantauan voltan *Stunning* dalam proses penyembelihan (MUIS, 2016).

## **Thailand**

Menurut Akta Penyembelihan Haiwan dan Pembahagian Daging, B.E. 2559 (2016) di bawah kelolaan Kementerian Pertanian dan Koperasi Thailand dengan kerjasama *The Central Islamic Council of Thailand (CICOT)* menyatakan bahawa pengendalian makanan mesti mengikut standard Halal UAE.S atau OIC / SMIIC seperti melaksanakan tugas dengan undang-undang berkaitan keselamatan produk, pengeluaran dan kawalan pengeluaran termasuk pemeriksaan untuk mengeluarkan produk kepada pengguna oleh kakitangan yang kompeten dalam sistem keselamatan, pemeriksaan untuk melepaskan produk makanan mesti mempunyai bukti bahawa makanan tersebut selamat dimakan atau sesuai dengan peraturan produk dan bukti yang berkaitan dengan proses pengeluaran, kawalan pengeluaran seperti kawalan proses kaedah *stunning*, pemeriksaan bahan mentah dan produk serta rekod lain berkaitan yang jelas (CICOT, 2021).

## **Filipina**

Menurut Seksyen 7 (*Stunning*) di bawah *Republic Act No. 8485* atau lebih dikenali Akta Kebajikan Haiwan 1998 (*The Animal Welfare Act of 1998*) yang diurus tadbir oleh Jabatan Pertanian Republik Filipina (*Department of Agriculture Republic of Philipphines*) menyatakan semua haiwan sembelihan yang menggunakan kaedah *Stunning* perlu dilakukan dengan sebaiknya mengikut prosedur yang ditetapkan. Di bawah Seksyen ini juga terdapat 7 Sub Seksyen mengenai *Stunning* iaitu 7.1 (*Restrains*



*of animals to be stunned*), 7.2 (*Stunning equipment*), 7.3 (*Animals to be stunned*), 7.4 (*Stunning to Sticking Interval-SSI*), 7.5 (*Recommended Electric Currents for Stunning Food Animals*), 7.6 (*Stunning Procedures*) dan 7.7 (*Stunning Personnel*) (DOA, 2008).

## **Pendapat Terpilih Di Kalangan Ulama' dan Badan-Badan Islam Dari Seluruh Dunia**

Menurut pendapat majoriti badan-badan Islam dari seluruh Dunia, kaedah *Penetrative Captive Bolt* adalah tidak dibenarkan kerana kaedah ini dilihat tidak mematuhi syarak. Bagi kaedah *Non- Penetrative Captive Bolt* pula, *Majma' Al-Fiqh al-Islami* mengharuskannya. Manakala Arab Gulf Cooperation Council's tidak membenarkannya pula. Majoriti badan-badan Islam berpendapat kaedah *Non-Penetrative Captive Bolt* adalah haram kecuali jika haiwan sembelihan tersebut mempunyai *hayat mustaqirrah* ketika proses sembelihan dilakukan, maka hukumnya adalah halal dimakan (Al-Zuhayli, 2010).

Menurut pendapat *Majma' al-Fiqh al-Islami*, kaedah elektrik *stunning* adalah tidak dibenarkan kerana tidak mematuhi syarak. Manakala Arab Gulf Cooperation Council's dan Syeikh Gaduh Ali Haq pula membenarkannya dengan meletakkan beberapa syarat tertentu. Kaedah elektrik *stunning* adalah haram kecuali jika haiwan sembelihan tersebut mempunyai *hayat mustaqirrah*, maka hukumnya adalah halal dimakan (Al-Zuhayli, 2010). Menurut pendapat *Majma' al-Fiqh al-Islami* dan Arab Gulf Cooperation Council's sama sekali tidak membenarkan kaedah *Waterbath Stunning* kerana kaedah ini dilihat tidak mematuhi syarak. Manakala Syeikh Gaduh Ali Haq pula membenarkannya dengan meletakkan beberapa syarat tertentu. Kaedah *Waterbath Stunning* adalah haram kecuali jika haiwan sembelihan tersebut mempunyai *hayat mustaqirrah*, maka hukumnya adalah halal dimakan (Al-Zuhayli, 2010). Menurut pendapat *Majma' al-Fiqh al-Islami* dan Syeikh Gaduh Ali Haq, kaedah penggunaan dadah atau karbon monoksida adalah diharuskan. Tiada tegahan menggunakan sebarang cara sembelihan dengan syarat tidak menyeksa binatang sembelihan tersebut. Tetapi perlu dipastikan haiwan sembelihan mati disebabkan sembelihan, bukan disebabkan dadah atau karbon monoksida (Al-Zuhayli, 2010).

## **ANALISIS PERBANDINGAN FATWA-FATWA/ UNDANG-UNDANG NEGARA ISLAM DI ASIA TENGGARA MENGENAI KAEDAH *STUNNING***

Setelah dianalisa fatwa-fatwa/ undang-undang mengenai kaedah *stunning* berdasarkan senarai di atas, dapat dikenalpasti majoriti negara Asia Tenggara seperti negara Malaysia, negara Brunei, negara Indonesia, negara Singapura, negara Filipina dan negara Thailand bersetuju dan menerima semua kaedah-kaedah *Electrical Stunning* dengan meletakkan syarat bahawa haiwan sembelihan tersebut mesti dalam keadaan *hayat mustaqirrah* dan kematian haiwan tersebut disebabkan sembelihan, bukan disebabkan oleh renjatan elektrik tersebut. Penerimaan ini juga termasuk kaedah *Waterbath Stunning* dalam proses sembelihan haiwan-haiwan unggas seperti ayam, itik dan angsa dengan mematuhi syarat-syarat ketat yang telah ditetapkan (M. Firdaus, 2019).

Kenapa majoriti negara-negara Asia Tenggara mempunyai persamaan dalam menerima *Electrical Stunning*. Secara umumnya rakyat Muslim di Asia Tenggara yang semakin bertambah populasinya, mendesak akan keperluan pengeluaran bahan mentah ayam halal yang tinggi pada setiap hari terutamanya pada hari-hari sambutan perayaan. Oleh itu, satu kaedah moden yang sesuai dengan tuntutan syariat perlu digunakan bagi mempercepatkan proses pengeluaran ayam halal dalam jumlah yang besar. Pilihan terbaik yang ada adalah kaedah *Electrical Stunning* yang mampu menjimatkan masa penyembelihan ayam dan sekaligus meningkatkan jumlah pengeluaran ayam halal. Mungkin tidak dinafikan faktor sebegini yang menyumbang banyak persamaan dalam penerimaan kaedah *Electrical Stunning* di kalangan majoriti negara-negara Asia Tenggara (Khadijah, 2012).

Manakala bagi kategori *mechanical stunner* seperti *Pneumatic Percussive Stunning*, *Penetrative Captive Bolt* dan *Non-Penetrative Captive Bolt*, terdapat negara Asia Tenggara yang mengharamkannya dan ada pula negara Asia Tenggara yang menerimanya tetapi dengan syarat yang begitu ketat iaitu seperti tiada keretakan pada tengkorak haiwan sembelihan dan kematian haiwan sembelihan tersebut bukan disebabkan oleh kaedah ini, tetapi disebabkan oleh sembelihan. Sebagai contohnya, negara Thailand, negara Singapura, negara Brunei dan negara Indonesia menerima kaedah-kaedah di atas dengan syarat-syarat yang ketat, tetapi negara Malaysia tidak

menerima langsung kaedah *Penetrative Captive Bolt* dan *Non-Penetrative Captive Bolt*. Sebaliknya, dalam masa yang sama, Malaysia menerima kaedah *Pneumatic Percussive Stunning* untuk haiwan ternakan dengan syarat-syarat yang begitu ketat (Al-Ikhsan, 2015).

Apakah faktor-faktor dan sebab-sebab yang mendorong negara Malaysia untuk tidak menerima langsung kaedah *Penetrative Captive Bolt* dan *Non-Penetrative Captive Bolt*. Secara umumnya, negara Malaysia sememangnya terkenal dengan budaya kesopanan dan kesusilaan. Sebarang bentuk kekejaman dan kekerasan terhadap manusia mahupun haiwan adalah sesuatu perkara yang tidak dibenarkan. Ditambah lagi rakyat Malaysia juga terkenal dengan nilai simpati yang tinggi terhadap sesama manusia dan haiwan. Malah budaya rakyat Malaysia juga terkenal dengan pantang larang dan adat resam yang pastinya mempunyai tujuan yang tersendiri, terutamanya dalam menjaga pelbagai aspek di dalam kehidupan. Mungkin tidak dapat dinafikan bahawa faktor-faktor sebegini turut dinilai dan diambil kira dalam proses mengeluarkan fatwa berkenaan (Mazuan, 2018).

Haiwan yang telah mengalami pelalian (*stunning*), kemungkinannya akan disembelih secara manual atau secara automatik. Sebagai contohnya bagi penyembelihan automatik ialah dengan menggunakan mesin atau pisau automatik semasa penyembelihan dilakukan. Negara Malaysia dan negara Thailand mempunyai pendirian yang sama iaitu menerimanya dengan syarat sebelum menghidupkan mesin atau pisau automatik tersebut, dikehendaki pengendali mesin atau pisau automatik tersebut membaca Bismillah dan pastikan pisau automatik tersebut memutuskan urat-urat halkum dan mariah haiwan sembelihan tersebut. Manakala negara-negara Asia Tenggara yang lain tidak menyatakan secara terperinci sama ada menerima kaedah ini atau sebaliknya (Helen, 2019).

Terdapat juga haiwan yang telah mengalami pelalian (*stunning*) dan kemudiannya disembelih menggunakan kaedah moden *Thoracic Stick* iaitu suatu kaedah yang digunakan untuk mempercepatkan proses kematian haiwan sembelihan selepas proses sembelihan dilaksanakan dengan memutuskan anggota-anggota yang terdapat pada haiwan tersebut. Kaedah ini pada mulanya tidak diterima oleh negara Malaysia sehingga menjadi isu dengan pembekal daging lembu halal di negara New Zealand, tetapi setelah perbincangan antara panel-panel halal negara Malaysia dan negara

New Zealand, maka hasil keputusannya ialah menerima kaedah ini dengan syarat kaedah *Thoracic Stick* ini boleh dilaksanakan selepas 30 saat proses sembelihan dilaksanakan (Pettracci, 2010).

## **KESIMPULAN**

Setiap negara di Asia Tenggara mempunyai alasan tersendiri dalam menerima sesuatu kaedah *stunning* atau menolak sesuatu kaedah *stunning*. Namun begitu, kesemua negara berkenaan mempunyai objektif yang sama iaitu ingin memelihara syariat sebaik mungkin agar tidak terjebak kepada perkara haram ataupun syubhah. Setiap perbezaan fatwa/ undang-undang yang dikeluarkan oleh sesebuah negara mengenai kaedah *stunning* banyak dipengaruhi oleh beberapa faktor dalaman ataupun luaran sesebuah negara. Namun begitu, setiap perbezaan fatwa/ undang-undang yang dikeluarkan mengenai kaedah *stunning* mempunyai kelebihan yang tersendiri. Justeru diharapkan agar masyarakat Islam berlapang dada dalam menerima perbezaan fatwa/ undang-undang mengenai *stunning* ini.

Implementasi kaedah moden seperti kaedah *stunning* adalah harus hukumnya selagi mana menepati tuntutan hukum syariat dan mengikuti syarat-syarat yang telah ditetapkan. Diharapkan artikel ini dapat memberi satu pendedahan ilmu baru kepada para pembaca mengenai analisis perbandingan fatwa mengenai kaedah *stunning* di kalangan negara-negara Asia Tenggara. Manakala para pengkaji yang berminat dengan tajuk ini, boleh meneruskan kajian lanjut tentang tajuk ini. Diharapkan juga artikel ini menjadi satu pemangkin kepada masyarakat Islam untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai kaedah *stunning* yang semakin populis kini. Semoga kaedah *stunning* ini dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat Islam demi kebaikan dan manfaat bersama.

## **PENGHARGAAN**

Penulis merakamkan penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM dan Jabatan Agama Islam Melaka atas sokongan. Kajian ini pernah dibentangkan di International Conference of Islamic Studies (ICIS) 2021.

## **KONFLIK KEPENTINGAN**

Penulis mengisytiharkan tiada sebarang konflik kepentingan sama ada dari sudut hubungan kewangan atau hubungan peribadi atau hubungan kekeluargaan dalam penulisan artikel ini. Perkara ini amat penting bagi mengekalkan keaslian dan ketulenan bagi menghasilkan kualiti yang terbaik sepanjang penulisan artikel ini berlangsung.

## **SUMBANGAN PENULIS**

Mohd Faizal bin P. Rameli dan Mohd Hapiz bin Mahaiyadin merancang metodologi kajian dan membantu mengumpulkan literatur-literatur atau data-data yang diperlukan berkaitan dengan tajuk ini. Muhamad Firdaus bin Shapian bertindak menganalisis data-data yang ada dan kemudiannya menulis artikel ini.

## **BIBLIOGRAFI**

- Al-Ikhsan Ghazali & Siti Salwa Md. Sawari (2015). *Standard Piawaian Halal di Malaysia menurut Perundangan, Kelebihan dan Kekurangan*. International Journal of Islamic and Civilizational Studies. Vol. 2. 55-60.
- Al-Zuhayli, Wahbah Mustafa (2010). *Kitab Fiqih Imam Syafi'i. Terjemahan Al-Fiqhu Asy-Syafi'i Al-Muyassar oleh Muhammad Afifi dan Abdul Hafiz*. Jakarta Timur: Almahira.
- Department of Agriculture (DOA)(2008). *The Animal Welfare Act of 1998*. Cetakan Ketiga. Quezon City: Bahagian Pengurusan Haiwan.
- Helen C. Kline (2019). *Effect of Captive Bolt Gun Length on Brain Trauma and Post-Stunning Hind Limb Activity in Finished Cattle Bos Taurus*. Meat Science Journal. Vol. 155. 69-73.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2016). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Cetakan Kelima. Kuala Lumpur: Bahagian Pengurusan Fatwa.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2020). *Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia*. Cetakan Pertama. Putrajaya: Bahagian Halal.

M. Firdaus Shapian (2019). *Kaedah Penetapan Hukum Sembelihan Haiwan Secara Stunning: Analisis Terhadap Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Malaysia*. University of Malaya Online Journal of Research in Islamic Studies. Vol. 6. 67-72.

Majelis Ulama Indonesia (MUI) (2015). *Himpunan Fatwa MUI Bidang POM & IPTEK*. Cetakan Keempat. Jakarta: Emir Erlangga.

Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) (2016). *Halal Certification Condition*. Cetakan Ketiga. Singapura: Bahagian Pengurusan Halal.

Mazuan Razaly (2018). *Pelaksanaan Sistem Pengurusan Jaminan Halal Di Rumah-Rumah Sembelihan Ayam Halal Dan Isu-Isu Berkaitan*. Journal of Shariah Law Research. Vol. 3. 105-124.

Petracci, Massimiliano (2010). *Pre-slaughter Handling and Slaughtering Factors Influencing Poultry Product Quality*. World's Poultry Science Journal. Vol. 66. 17-26.

Rizvan Khalid (2015). *A Comparison of Blood Loss During the Halal Slaughter of Lambs Following Traditional Religious Slaughter Without Stunning, Electric Head-Only Stunning and Post-Cut Electric Head-Only Stunning*. Meat Science Journal. Vol. 110. 15-23.

The Central Islamic Council of Thailand (CICOT) (2021). *Audit and Halal Certification*. Cetakan Kedua. Bangkok: Bahagian Pengurusan Halal.

Warta Kerajaan Negara Brunei Darussalam (1999). *Aturan-Aturan Daging Halal*. Cetakan Ketiga. Bandar Seri Begawan: Bahagian Pengurusan Warta.